

Maklumat Am Pasar Tamu Indah 美景市集：一般资料

1. Lokasi : Pasar Tamu Indah, Lorong Indah Timur 3, Taman Indah Sibul.
地点：美景市集
2. Saiz lot : 10' x 10', kanopi atau payung perlu disediakan oleh penjaja sendiri.
摊位尺寸：10尺x 10尺（需自备帐篷或雨伞）
3. Waktu Perniagaan : Setiap hari Sabtu dan Ahad (dari jam 6:00 pagi sehingga 11:00 pagi).
营业时间：每个星期六及日（早上6点至早上11点）
4. Yuran permit : RM4.00 setiap gerai setiap hari. Yuran permit hendaklah dibayar secara bulanan dan segala tuntutan bayaran balik di atas sebab tidak hadir berniaga tidak akan dilayan.
准证费用：每摊每日RM4.00. 需按月支付及若没营业而要求回扣将不受理。
5. Permohonan permit adalah berdasarkan kriteria “first come first serve” serta lain-lain kriteria yang ditetapkan oleh pihak Majlis.
申请准证将依据先到先得方式及其他由议会所制定的方式进行。

Terma dan syarat 条款及条件:

1. Permit sementara ini hanya akan dikeluarkan setelah pembayaran dilakukan.
临时准证仅在交付有关费用后发出。
2. Permit akan ditarik-balik sekiranya pemegang permit melanggar apa-apa syarat permit, peraturan-peraturan atau undang-undang yang sedang berkuatkuasa.
准证将被撤回若持有者违反任何准证规则，条规及现执行的法律。
3. Pemegang permit hendaklah menjual barang yang dibenarkan sahaja seperti yang dinyatakan dalam permit.
准证持有者只可售卖在准证上所列明的物品。
4. Pemegang permit mestilah sentiasa menjaga kebersihan gerai serta bertanggungjawab ke atas kebersihan di kawasan sekeliling gerainya termasuk sampah hasil jualan dan sampah pembuangan pelanggan. Sampah tersebut hendaklah dikutip dan dibuang ke dalam tong sampah yang disediakan oleh pihak Majlis. Kegagalan mematuhi syarat ini akan menyebabkan permit dibatalkan ataupun tindakan kompaun dikenakan.
准证持有者应负责保持营业地点及邻近区域的清洁，包括从销售产生的垃圾或公众所扔的垃圾。以上垃圾应收集起来并扔进议会提供的垃圾箱里。违例者将被撤销准证或被罚款。
5. Pemegang permit hendaklah berniaga dengan sendiri dan jumlah pembantu yang dibenarkan adalah tidak melebihi 2 orang pada suatu masa.
准证持有者必须亲自营业及最多有两名助手。
6. Pemegang permit hendaklah menjalankan perniagaan pada setiap hujung minggu (Hari Sabtu dan Ahad) dan pemegang permit yang tidak berniaga melebihi 2 hari dalam sebulan tanpa kelulusan bertulis daripada pihak Majlis akan dibatalkan permit dan sebarang rayuan tidak akan dilayan.
准证持有者必须每个周末(六，日) 营业及任何准证持有者若每月缺席超过2天而没获得议会书信批准者将被议会吊销准证而其上诉将不受理。
7. Barang milik pemegang permit tidak boleh ditinggalkan di ruang niaga setiap kali tamat masa perniagaan. Pihak Majlis akan membuang barangan yang ditinggalkan di ruang niaga tanpa sebarang notis.
每次营业后不可将物件留在场地。议会将在无通知下扔掉任何留在场地的物件。
8. Pemegang permit hanya boleh berniaga di dalam kawasan lot yang dibenarkan sahaja. Pertukaran lot atau penyewaan lot kepada orang lain adalah dilarang sama sekali.
准证持有者只可在允许的摊位营业。交换或租借摊位给他人同样是不被允许的。
9. Barang jualan yang dibenarkan adalah seperti berikut :-
可允许摆卖的物品如下：-
 - a) Hasil tanaman tempatan dan hasil hutan 土产及农作物
 - b) Sayur-sayuran tempatan atau import, bawang, bawang putih dan keluaran lain本地或进口蔬菜，洋葱，大蒜等
 - c) Minuman, jus, kuih-muih, telur dan mee mentah 饮料，果汁，糕点，蛋及生面条
 - d) Ketam, siput, ikan, udang dan hasilan sungai/laut 螃蟹，螺，鱼，虾及水产
 - e) Ayam hidup dan binatang peliharaan (ditangguhkan sementara sehingga ke suatu masa yang akan diberitahu kelak) 活鸡及牲畜（暂时冻结至另行通知）
 - f) Buah-buahan tempatan atau import 本地或进口水果
 - g) Daging panggang, makanan beku dan daging mentah 烤肉，冷藏食品及生肉
 - h) Beras tempatan atau import dengan jumlah yang kecil 小型本地或进口米
 - i) Tauhu dan taugeh 豆腐及豆芽
 - j) Kraftangan dan lain-lain barang-barangan yang dibenarkan oleh pihak Majlis 手工艺品及其他由议会批准物品
10. Daging khinzir, khinzir hutan, lembu, kambing, binatang liar, katak dan lain-lain haiwan terlindung, serta barang-barang “merchandise” seperti kasut, pakaian, alat permainan dan “hardware” tidak dibenarkan kecuali mendapat kelulusan daripada pihak Majlis.
猪肉，野猪，牛，羊，野生动物，青蛙及其他受保护动物以及洋杂类如鞋子，衣服，玩具及五金类不准售卖，除非已获得议会的批准
11. Pihak Majlis berhak untuk meminda, menukar atau mengeluarkan serta menambahkan apa-apa syarat permit dari masa ke semasa.
议会随时有权修改，更改，删减以及增加任何准证条例